

Pakej

01

FULL BAND
RM 4,000.00

02

UNPLUGGED
RM 2,800.00

03

5 PIECES
RM 2,100.00

04

3 PIECES
RM 1,500.00

Nota:

Kadar bayaran telah diluluskan di Mesyuarat
AJK Kor Siri 1/2023 pada 19 Mei 2023.

Bayaran perjalanan merujuk kepada
ringkasan gaji dan elaun ATM tahun 2020.

Kelayakan petrol RM0.80 x 1KM



Band De Electras

0104076678 (Lt Kol Ammar Farhan)

0135335333 (Mej Ahmad Zikri)


0176206961 (PW 1 Shahril)



bandelectras@gmail.com



IJED, Kem SiRusa



@delectras



1977 2023

Band De Electras

Kor Jurutera Elektrik dan Jentera Diraja



Krew

Pengerusi : Brig Jen Ir. Ts. Dr. Hj. Shahril bin Hj Ahmad
Pengurus : Lt Kol Muhammad Ammar Farhan @ Borey
Ketua Band : Mej Ahmad Zikri bin Mohd Salleh

Pentadbiran : PW I Mohd Shahril Miza bin Rosden
Penjaga Akaun : PW II Mohamad Hairol bin Adnad
Ketua Produksi : PW II Mohd Saifuddin bin Abd Kadir

Penyanyi Lelaki

PW I Mohd Shahril Miza bin Rosden
PW II Mohd Afif Dzar bin Mohd Razali
Sjn Muhammad Izzat bin Zanruan
Pbt Muhammad Srusyaidi bin Masrom

Penyanyi Wanita

SSjn Maizatul Akmar binti Mohamed Kamal
SSjn Erna Diyana binti Khairuddin
LKpl Rahimah binti Romi

Saxophonist

PW II Mohd Hairol Anuar bin Sape'e

Keyboardist

PW II Mohd Saifuddin bin Abdul Kadir
Kpl Che Yusri Azrie bin Che Yuslan

Gitarist

SSjn Abdul Hakim Azahari bin Abdul Rahman
SSjn Mohd Fauzi bin Saimi
Kpl Muhammad Zulhilmi bin Hasana

Bassist

PW II Mohamad Hairol bin Adnad
LKpl Robinson Anak Nichal

Drummer

SSjn Muhamad Sultan bin Hasnan
Sjn Mohd Hasmizan bin Hashim
LKpl Mohd Nur Faiz bin Ali

Teknikal

SSjn Muhamad Ridzuan bin Azmi
Sjn Mohd Faizzuddin bin Rohaizat



Pada tahun 1977, sebuah Kugiran (Kumpulan Gitar Rancak) telah ditubuhkan di dalam Kor JLJ Diraja dan diberi nama Emergency. Walaubagaimanapun, disebabkan kekurangan peralatan muzik, kugiran ini tidak dapat bergiat aktif, kerana apabila hendak mengadakan persembahan, ahli kumpulan terpaksa menggunakan peralatan sendiri yang tidak mencukupi dan serba kekurangan. Oleh itu, mereka perlu meminjam segala peralatan daripada pasukan lain. Emergency pada ketika itu telah dibawa dari Kem Penrissen, Kuching, Sarawak ke Sekolah JLJ (sekarang dikenali sebagai IJED). Pada ketika itu Emergency diketuai oleh PW II Lim Tai Ping.

Semasa di bawah pemerintahan Mej Narindar Singh Sindhu, sebuah kugiran ditubuhkan di 105 DBK Wilayah (sekarang 74 Wksp Div) dan diberi nama band D' Electras. Dalam pada itu, Emergency telah dibubarkan dan semua anggotanya telah diserap masuk ke dalam band D' Electras dan diketuai 651136 Sjn Abd Rahim bin Jantan.

Pada tahun 1981 band D' Electras telah berpindah dari 74 Wksp Div ke Sekolah JLJ, Komandan ketika itu ialah Lt Kol Yeo Kee Ming. Band D' Electras telah mempunyai 3 generasi sejak ditubuhkan. Tahun 1988 merupakan tahun yang penting bagi keanggotaan band D' Electras. Ini kerana mereka telah memasuki kelas Asas Muzik di bawah kelolaan PW 1 Bakar iaitu Drum Major Band Pusat Armor selama 3 bulan. Sjn Zulkifli dan Sjn Brenyang merupakan anggota band D' Electras pertama memasuki International College Of Music (ICOM) pada tahun 1996 hingga 1997. Dari pengalaman dan pembelajaran tersebut penggunaan block score telah mula digunakan semenjak itu sehinggalah sekarang.



Sejarah Band De Electras

Kecemerlangan Band De Electras

Pengalaman dan pendedahan ini, band De Electras telah berjaya mengubah corak persembahan dan meningkatkan tahap kematangan di dalam setiap persembahan. Ini terbukti apabila pada tahun 1985 band De Electras telah mendapat tempat ke separuh akhir di dalam Pertandingan Bakat Televisyen (RTM) dan pada tahun 1995 telah muncul sebagai Juara UKMZ peringkat TD.

Band De Electras telah mula dikenali apabila Radio Televisyen Malaysia (RTM) di bawah penerbit program Ragam Penghibur, En Mohamad Nazri Mahmud memberi kepercayaan kepada band De Electras untuk menjadi kugiran pengiring dalam program Ragam Penghibur yang telah di adakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi. Kapt Salmi telah memperkenalkan Penerbit Rancangan Ragam Penghibur waktu itu kepada pengurusan band De Electras. Dengan kesungguhan dan kepakaran anggota Band De Electras di masa itu telah memberikan peluang kepada band De Electras untuk terus menjadi kugiran pengiring bagi program Ragam Penghibur.

Bagi menentukan kegemilangan band De Electras bersinar kembali, pihak pengurusan telah berusaha untuk meningkatkan kelengkapan peralatan dan fasalitis serta meningkatkan corak persembahan. Komandan IJED telah mencetuskan idea dan mengarahkan untuk berpindah ke studio yang baru di bangunan Dewan Perkasa. Hasil usaha gigih pihak pengurusan dan ahli-ahli band De Electras kumpulan ini telah mendapat naib johan dalam pertandingan *Battle of The Band Tentera Darat* tahun 2019, Johan *Battle of The Band Tentera Darat* pada tahun 2020 dan tempat ke-3 *Battle of The Band Tentera Darat* 2022.

